

# PM: Elok Ashaari temui Pusat Islam

(P)  
Oleh ZULKIFLEE BAKAR

KUALA LUMPUR 16 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak akan bertemu pemimpin Darul Arqam, Ashaari Muhammad bagi menyelesaikan segala isu yang berbangkit berhubung pertubuhan itu.

Katanya, adalah lebih baik jika Ashaari menyelesaikan isu-isu berkenaan dengan mengadakan perbincangan dengan Pusat Islam.

"Dia (Ashaari) anggap dirinya setaraf dengan pemimpin dunia, saya belum sampai ke taraf itu lagi... saya tak boleh jumpa dengan dialah... dia jumpa dengan Pusat Islam itu lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyua-

rat Agung Perwakilan Tahunan Ke-14, Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB), di sini, hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas mengenai kenyataan Ashaari baru-baru ini bahawa isu Arqam hanya boleh diselesaikan jika beliau bertemu Dr. Mahathir.

Mengenai tindakan lanjut yang akan dilakukan oleh kerajaan terhadap Darul Arqam, Perdana Menteri berkata, kerajaan menghadapi masalah dengan pertubuhan itu kerana ia sudah menyeleweng daripada ajaran Islam.

"Penyelewengan ini sudah sampai ke satu tahap di mana ia (pengikut Arqam) menganggap pemimpin dia sebagai seorang yang boleh dikatakan nabi," katanya.

Perdana Menteri kesal kerana pengikut Darul Ar-

qam bukan sahaja tidak memahami selok-belok agama malah tidak faham ke arah mana Arqam akan membawa mereka sehingga boleh menjerumuskan diri mereka dalam kesesatan.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan mempunyai pendirian yang jelas bahawa Arqam sudah menyeleweng dari ajaran Islam.

"Pada mulanya kita tidak ambil peduli... kita tidak peduli tentang pakaian dia (Arqam)... dia nak tutup muka... dia tutup mata nak jalan... itu dia punya hal.

"Tetapi kalau dia membawa ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam itu menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menghalang perkembangan ajaran tersebut," katanya.